

# Teroka hutan berpotensi jadi pelancongan perlu dikawal

NST 05-01-2013 7

**KEMABONG:** Penerokaan kawasan hutan yang berpotensi dijadikan kawasan pelancongan perlu dikawal dan dikurangkan terutamanya aktiviti-aktiviti pembalakan dan pemburuan haiwan.

Ketua Kampung Mamaitom, Anggu Yabak, 52, berkata segala hidupan di kawasan hutan disempadan Kg.Mamaitom dan Kg.Kaingalan perlu dijaga dan dipelihara daripada diterokai oleh syarikat-syarikat pengeluar kayu balak termasuklah pihak Sabah Forest Industries Sdn.Bhd (SFI).

“Penduduk-penduduk di sekitar kampung-kampung disini tidak senang dengan sikap syarikat-syarikat pengeluar kayu balak ini yang telah banyak menebang dan mengeluarkan kayu-kayu balak yang besar dari hutan untuk mengaut keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan kesannya kepada hutan dan penduduk kampung dalam jangka masa yang panjang.

“Walaupun kami tahu terdapat kawasan hutan ini milik pihak SFI tetapi mereka tidak sepatutnya sewenang-wenangnya menebang dan mengeluarkan kayu balak sesuka hati sehingga menyebabkan kawasan hutan menjadi botak seperti di beberapa tempat di hutan ini.

“Pokok-pokok ini juga mengambil masa berpuluh-puluh tahun untuk membesar, jadi kami tidak mahu hutan disini apabila ditebang pokok-pokok ini nanti dalam bilangan yang

banyak, segala hidupan dan habitat binatang juga akan musnah,” katanya ketika ditemui pemberita pada Program Merintis Sempadan diantara Kawasan Pelancongan dan Kawasan Kampung, kelmarin.

Jelasnya lagi, kawasan hutan disini terutamanya di sepanjang Sungai Tolokoson telah dikenalpasti sebagai kawasan yang sesuai dan berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan.

“Ini diakui sendiri oleh pegawai daripada Kementerian Pelancongan dan para penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah datang ke kawasan hutan ini untuk membuat beberapa kajian dan mereka menyifatkan kawasan hutan ini sesuai dijadikan kawasan pelancongan.

“Oleh itu, saya mewakili penduduk-penduduk Kg. Mamaitom dan kampung-kampung lain yang berdekatan berharap supaya syarikat-syarikat pengeluar kayu balak dan pemburu binatang tidak kira yang datang dari jauh atau dekat supaya tidak sesuka hati menebang pokok dan memburu di kawasan hutan yang telah kami tandakan sempadannya,” katanya.

Turut hadir, Ahli Parlimen Tenom, Datuk Raime Unggi; Pengerusi JKKK Kg. Mamaitom, Bataun Bilaad, dan para penduduk kampung. - **OLEH MIZRON MARALANG (mizron@newsabahtimes.com.my)**

**POKOK BERHARGA ...**  
Anggu menunjukkan salah satu pokok berharga di kawasan hutan di sempadan Kg.Mamaitom dan Kg. Kaingalan.



**SEMPADAN ...** Bataun (kiri) di hadapan papan tanda di kawasan hutan yang telah ditandakan sempadannya.



**TINJAU ...** Raime (tengah) bersama-sama dengan penduduk-penduduk Kg. Mamaitom yang meninjau sendiri kawasan hutan yang dikenalpasti berpotensi dijadikan kawasan pelancongan.